

## JANGKA MASA KELUAR DARIPADA KEPOMPONG KEMISKINAN DAN KETERMISKINAN: KAJIAN KES DI KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA

SITI HADIJAH CHE MAT  
UUM College of Business  
Universiti Utara Malaysia

ROSLAN ABDUL HAKIM  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business  
Universiti Utara Malaysia

### Abstrak

Malaysia mencatatkan pengurangan kemiskinan yang memberangsangkan semenjak merdeka hingga kini. Kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009. Dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2010–2015), negara mensasarkan agar pada tahun 2015, purata pendapatan bagi 40% golongan isi rumah yang mempunyai pendapatan terendah meningkat daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300 dan kadar kemiskinan dikurangkan kepada 2.0% pada tahun 2015. Persoalannya, berapa lamakah purata masa yang diperlukan untuk membebaskan mereka yang berada dalam kepompong kemiskinan untuk keluar daripada kepompongnya itu. Makalah ini cuba untuk menganggarkan tempoh masa yang diperlukan oleh isi rumah yang berada dalam kelompok kemiskinan dan ketermiskinan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinannya dengan menggunakan beberapa anggaran pertumbuhan pendapatan. Kajian kes ini, ditumpukan kepada isi rumah petani di negeri Kedah Darul Aman. Satu kaji selidik secara bersemuka ke atas 384 responden dilakukan antara bulan April hingga Disember 2008. Analisis kajian menggunakan pendekatan seperti yang diperkenalkan oleh Morduch (1998). Dapatan menunjukkan pada kadar pertumbuhan pendapatan lima peratus, purata jangka masa yang diperlukan adalah lebih kurang 10 tahun untuk membebaskan mereka yang miskin (PGK: RM700.00) daripada kepompong kemiskinannya. Manakala isi rumah petani yang dalam keadaan ketermiskinan (PGK: RM430.00 pula mengambil masa selama lapan tahun untuk membebaskannya daripada kepompong ketermiskinannya. Kesimpulannya, sasaran untuk mencapai

ketermiskinan sifar atau miskin tegar sifar adalah pada tahun 2021 dengan mengandaikan pertumbuhan pendapatan berlaku pada kadar tiga peratus setahun. Namun tempoh masa itu boleh dipendekkan apabila kadar pertumbuhan dicapai lebih tinggi. Sebagai contoh, miskin tegar sifar tercapai pada tahun 2016 apabila kadar pertumbuhan pendapatan berlaku pada kadar lima peratus setahun.

**Kata kunci:** Kemiskinan, ketermiskinan, tempoh masa keluar kemiskinan, Malaysia.

### Abstract

**Purpose** – This paper attempts to estimate the average time to exit poverty and to exit from hardcore poor. Specifically this paper investigates the effect of farmer's participation in non-farm activities on the time to exit poverty.

**Design/methodology/approach** – The study was based on primary data collected from households in the state of Kedah, Malaysia. This paper used Watts poverty index to measure the duration time to exit poverty.

**Findings** – Farmers that participate in non-farm activities, i.e. those derives income from both farm and non-farm sources, has a clearly shorter average time to exit from poverty than those who did not participate in non-farm activities.

**Originality/value** – The paper explores the important of non-farm income/activities as a better strategy for farmer to escape from poverty.

**Keywords** – Poverty, hardcore poor, time exit poverty, Malaysia.

**Paper type** – PhD thesis.

### Pendahuluan

Kadar kemiskinan di Malaysia telah berkurang dengan banyaknya semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970–1990). Kadar kemiskinan pada tahun 1970 adalah 52.4% dan telah berkurangan kepada 3.8% pada tahun 2009. Dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2010–2015), negara mensasarkan agar pada tahun 2015, purata pendapatan bagi 40% golongan isi rumah yang mempunyai pendapatan terendah meningkat daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300 dan kadar kemiskinan dikurangkan kepada 2.0% pada tahun 2015. Walaupun kemiskinan berjaya dikurangkan dengan banyaknya, namun jika kita melihat dengan lebih terperinci,

iaitu dengan melihat kemiskinan di bandar dan luar bandar. Kita akan dapati kemiskinan di luar bandar adalah lebih tinggi. Sebagai contoh pada tahun 2007, kadar kemiskinan di luar bandar ialah sebanyak 7.1%, manakala kadar kemiskinan di bandar hanya 2.0%. Ini bermakna kemiskinan di Malaysia lebih banyak terjadi di luar bandar. Ini bermakna untuk mencapai matlamat atau sasaran negara kepada kadar kemiskinan pada tahap 2% pada tahun 2015 (seperti dalam RM10), pengurangan kemiskinan harus berlaku dengan banyaknya di luar bandar. Memandangkan luar bandar itu sinonim dengan aktiviti pertanian, maka sesuatu harus dilakukan kepada golongan petani diluar bandar. Ini seterusnya menimbulkan persoalan kepada berapa banyakkah pendapatan yang harus ditingkatkan agar dapat mencapai sasaran mengurangkan kemiskinan itu? Setelah mengetahui pertumbuhan pendapatan, maka barulah boleh dilakukan pengiraan untuk menganggarkan tempoh masa untuk mencapai sasaran untuk membebaskan petani daripada kepompong kemiskinan. Memandangkan amat kurang kajian untuk mengetahui tempoh masa yang diperlukan untuk membebaskan kemiskinan dengan kadar pertumbuhan pendapatan yang diberi, maka kajian seumpama ini iaitu yang mengkaji purata tempoh masa untuk keluar daripada kemiskinan dan ketermiskinan dalam kalangan isi rumah petani luar bandar adalah sangat berguna.

Makalah ini akan melaporkan purata jangka masa yang diperlukan untuk mensifar kemiskinan dan ketermiskinan secara keseluruhan dalam kalangan petani di enam daerah kajian di negeri Kedah. Makalah ini, mempunyai enam bahagian. Selepas pendahuluan bahagian seterusnya ialah ringkasan mengenai kemiskinan di Malaysia. Bahagian ketiga ialah ulasan karya. Bahagian keempat ialah mengenai data dan kaedah kajian. Bahagian kelima adalah analisis dapatan kajian dan perbincangan dan diakhiri dengan implikasi dasar dan kesimpulan di bahagian keenam.

### **Keadaan Kemiskinan di Malaysia**

Semenjak mencapai kemerdekaan, negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam usaha mengubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyatnya. Pencapaian adalah lebih ketara dalam tempoh dua puluh tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bermula pada tahun 1970 hingga 1990, dengan adanya program-program pembangunan yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat serampang dua matanya. Matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Walau bagaimanapun kemiskinan dan ketaksamarataan agihan

pendapatan terus menjadi isu dan agenda penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi dan sosial dalam tempoh selepas tahun 1990. Mereka yang terlibat dengan agensi pembasmian kemiskinan, pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta badan-badan yang bertanggungjawab terus berusaha untuk menangani masalah mereka yang dibelenggu kemiskinan ini.

### **Kemiskinan dan Ketidaksamarataan Pendapatan**

Kemiskinan biasanya ditakrifkan secara relatif mengikut keadaan masyarakat di sesebuah negara. Dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan ialah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

#### ***Kemiskinan mutlak***

Kemiskinan mutlak ditakrifkan sebagai satu keadaan di mana pendapatan kasar bulanan bagi sesebuah keluarga itu tidak mencukupi untuk membeli keperluan minimum untuk ahli isi rumahnya. Ia juga merupakan kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup. Ukuran kemiskinan mutlak yang biasa digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isi rumah yang mempunyai pendapatan yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditetapkan. Garis kemiskinan yang diguna pakai atau yang telah ditetapkan untuk digunakan semasa mengira kadar kemiskinan dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK juga merupakan satu tingkat pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi.

PGK dikemas kini setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna yang bertujuan untuk menyesuaikan dengan nilai wang semasa dan keadaan inflasi. Sebagai contoh PGK bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM720 di Semenanjung Malaysia, manakala RM740 di bandar Semenanjung Malaysia dan RM700 di luar bandar Semenanjung Malaysia (EPU, 2007).

#### ***Kemiskinan relatif***

Kemiskinan relatif pula ialah kemiskinan yang dilihat dari segi ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan. Ia menerangkan kedudukan relatif atau perbandingan satu-satu kumpulan berbanding

dengan kumpulan yang lain daripada segi pendapatan. Selagi wujud jurang pendapatan antara dua individu atau dua kumpulan, maka yang mempunyai pendapatan yang lebih rendah akan dianggap sebagai miskin manakala yang mempunyai pendapatan lebih tinggi dianggap sebagai kaya. Dalam konteks ini, kemiskinan hanya boleh dihapuskan sekiranya setiap orang atau kumpulan mempunyai pendapatan yang sama. Ketidaksamarataan pendapatan juga diukur dengan pekali Gini yang berasaskan kepada pengagihan pendapatan kasar bulanan isi rumah.

### Malaysia: Kemiskinan dan Ketidaksamarataan Pendapatan

Merujuk Jadual 1, secara keseluruhan kadar kemiskinan menunjukkan penurunan yang memberangsangkan. Daripada tahun 1976 hingga ke tahun 2007 iaitu selama lebih kurang 30 tahun, kadar kemiskinan keseluruhan telah berjaya dikurangkan dari 37.7% kepada 3.6%. Kadar kemiskinan di luar bandar menunjukkan pengurangan yang amat besar bagi tempoh 30 tahun iaitu daripada 45.7% kepada 7.1.

Jadual 1

#### *Struktur Kemiskinan di Malaysia*

	1976	1985	1990	1995	1997	1999	2002	2004	2007
<b>Kadar Kemiskinan (% daripada isi rumah)</b>									
Keseluruhan	37.7	20.7	16.5	8.5	6.1	7.5	6.0	5.7	3.6
Bandar	15.4	8.5	7.1	3.6	2.1	3.4	2.3	2.5	2.0
Luar Bandar	45.7	27.3	21.1	14.9	10.9	12.4	13.5	11.9	7.1
<b>Kadar kemiskinan tegar (%)</b>									
Jumlah	-	6.9	3.9	2.1	1.4	1.4	1.0	1.2	0.7
Bandar	-	2.4	1.3	0.9	0.5	0.5	0.3	0.4	0.3
Luar Bandar	-	9.3	5.2	3.6	2.4	2.4	2.6	2.9	1.4

*Sumber.* Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.

### Ulasan Karya

Pada Mac 2010 Malaysia telah memperkenalkan satu model baru bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu Model Ekonomi Baru (MEB) yang mensasarkan agar negara mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Negara berpendapatan tinggi

juga bermakna negara bebas daripada kemiskinan. Adakah tahun 2020 itu negara kita mampu mencapai kemiskinan sifar? Untuk itu adalah amat berguna untuk mengetahui berapa lamakah masa yang perlu diambil untuk menjadikan kesemua rakyat negara ini berpendapatan tinggi yang juga bermaksud untuk menghapuskan kemiskinan. Setakat yang diketahui mengenai kajian-kajian yang terdahulu di Malaysia, tidak ada yang menunjukkan bila kemiskinan dan ketermiskinan itu mungkin terhapus sama sekali dan tiada juga kajian mengenai berapa besar kadar pertumbuhan yang diperlukan untuk menghapuskan kemiskinan. Secara tidak langsung menunjukkan seperti tiada minat untuk mengetahui berapa lama (daripada segi jangka masa purata dalam tahun) yang diperlukan untuk melawan kemiskinan dan seolah-olah seperti tidak berminat untuk mengetahui apakah hubungan sebenar antara kadar pertumbuhan dan pengurangan kemiskinan.

Di Papua New Guinea, satu kajian oleh Gibson dan Olivia (2002), yang mengkaji tempoh masa yang diperlukan untuk menghapuskan kemiskinan di Papua New Guinea, mendapati jangkaan masa yang diperlukan adalah selama dua puluh tahun pada tahun 1996, untuk membebaskan Papua New Guinea daripada kemiskinan. Walaupun kajian seumpama ini kurang, namun kajian yang melihat kepada faktor atau penyebab kepada kemiskinan boleh diketengahkan. Ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mengenai perkara-perkara yang boleh dilakukan untuk mempercepatkan lagi proses pembasmian kemiskinan. Kebanyakan petani yang tinggal di luar bandar tergolong dalam kelompok miskin dan pendapatan yang diterima tidak menentu serta bergantung kepada keadaan cuaca, kesuburan tanah, keluasan tanah yang diusahakan, musim, persekitaran dan hasil pertanian. Menurut Khan (2000) dalam kajiannya di Bangladesh, ada tempoh tertentu yang petani tidak mendapat hasil dan tiada sumber pendapatan kerana ada jenis pertanian yang ditanam bermusim dan ini yang menjadi punca kepada kemiskinan. Bagi mengatasi masalah ini, mereka akan mengusahakan pelbagai aktiviti ekonomi sampingan lain daripada aktiviti pertanian untuk menampung pendapatan mereka. Selain daripada faktor musim, terdapat juga faktor lain yang dikenal pasti oleh penyelidik terdahulu. Faktor-faktor tersebut seperti tahap pendidikan ketua keluarga, tanah, jantina dan kemudahan infrastruktur. Tahap Pendidikan: Kebanyakan petani yang tinggal di luar bandar dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah kebiasaannya mempunyai peluang yang kurang untuk turut serta dalam sektor perkhidmatan dan perindustrian. Tambah merumitkan apabila golongan petani ini tidak berkelayakan untuk mendapatkan

modal yang besar bagi mengusahakan pertaniannya secara komersial. Ini adalah antara faktor yang menyebabkan golongan petani di luar bandar sentiasa berada dalam kemelut kemiskinan kerana mereka dikekangi oleh masalah tersebut.

Kajian oleh Firdausy (1997) di Indonesia menunjukkan bahawa golongan miskin memang mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Pada tahun 1993, daripada keseluruhan golongan miskin dalam negara tersebut, hampir 93.7% daripadanya adalah daripada isi rumah yang diketuai oleh mereka yang tahap pendidikannya hanyalah setakat sekolah rendah sahaja.

## **Data dan Kaedah Kajian**

### *Sumber data dan saiz sampel*

Data yang digunakan untuk tujuan kali ini adalah data yang dikumpul daripada soal selidik yang dilakukan ke atas ketua keluarga dalam kalangan petani di enam daerah yang terdapat di negeri Kedah pada bulan April hingga Disember 2008. Berdasarkan banci penduduk yang dilakukan pada tahun 1991 dan 2000, jumlah penduduk di negeri Kedah adalah seramai 1,302,241 orang dan 1,571,007 orang masing-masing. Data Negeri/Daerah Malaysia 2004 yang diwartakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganggarkan penduduk pada pertengahan tahun untuk tahun 2004 di negeri Kedah adalah seramai 1,813,137 orang. Maklumat daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara bagi bilangan isi rumah mengikut strata dan negeri pada tahun 2000 mendapati bilangan isi rumah adalah sebanyak 342,163. Daripada jumlah ini sebanyak 205,010 isi rumah (59.9%) berada di luar bandar dan 137,153 berada di bandar.

Dengan mengambil kira jumlah penduduk di luar bandar sebanyak 60% daripada keseluruhan penduduk seperti yang ditunjukkan dalam tahun 2000, maka jumlah penduduk luar bandar pada tahun 2004 seramai 1,087,860 orang; ( $60\% * 1,813,137$ ). Dengan menggunakan purata saiz isi rumah di negeri Kedah pada tahun 2000 iaitu 4.82 orang, maka dijangkakan jumlah isi rumah di luar bandar di Kedah pada tahun 2004 adalah sebanyak 225,697 buah isi rumah; ( $1,087,860/4.82$ ). Namun bukan kesemuanya terlibat dalam aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama. Dalam laman sesawang Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menyatakan 'masyarakat pertanian yang sudah ada di Wilayah ini kecuali Pulau Pinang, lebih kurang 20% penduduk di negeri-negeri Koridor Utara berada dalam sektor pertanian'. Berdasarkan panduan tersebut, maka jumlah isi rumah



petani luar bandar dijangkakan yang terlibat dalam aktiviti pertanian adalah sebanyak 45,139; ( $20\% * 225,697$ ). Jumlah isi rumah yang diperoleh dianggarkan sama jumlahnya dengan jumlah ketua isi rumah. Ini adalah kerana setiap satu isi rumah mempunyai seorang ketua isi rumah. Maka jumlah populasi kajian yang merujuk kepada ketua isi rumah (KIR) yang melibatkan diri dalam aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utamanya adalah sebanyak 45,139.

Ukuran saiz sampel menurut Krejcie dan Morgan (1970) dalam Uma Sekaran (1992: 294) menyatakan jumlah populasi sebesar satu juta memerlukan sampel sebanyak 384. Fraenkel dan Wallen (2003) pula menyatakan sampel minimum yang diperlukan adalah 100 untuk kajian diskriptif, 50 untuk kajian korelasi, 30 per kelompok untuk kajian perbandingan sebab akibat.

Memandangkan bilangan isi rumah petani luar bandar, yang melibatkan diri dengan pertanian sebagai pekerjaan utama di Kedah tidak melebihi satu juta (hanya 45,139), maka saiz sampel yang diperlukan adalah sebanyak 380. Namun untuk kajian ini pengkaji menetapkan sebanyak 384 ketua isi rumah (KIR) sebagai saiz sampel kajian sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya terdapat beberapa borang soal selidik yang tidak boleh diguna.

Sampel sasaran atau unit analisis dalam kajian ini adalah ketua isi rumah (KIR) yang telah dikenal pasti melibatkan diri dengan aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan, tanpa mengambil kira sama ada mereka mengusahakan pertanian itu secara cukup hidup ataupun secara komersial atau hanya mengambil upah bekerja di sektor pertanian.

#### ***Reka bentuk pensampelan***

Kajian ini menggunakan data primer yang dikumpul melalui kaji selidik ke atas petani yang disampel. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah gabungan antara pensampelan rawak berstrata dua peringkat dan kuota. Pensampelan jenis ini dikatakan akan meningkatkan maklumat yang diperoleh bagi sesuatu kos yang terhad. Mengikut takrifannya, pensampelan ini diperoleh dengan mengasingkan sesuatu populasi kepada beberapa kumpulan yang tidak bertindan (strata) dan memilih sampel rawak mudah daripada setiap strata.

Populasi kajian ini telah distratakan kepada strata peringkat pertama, iaitu berasaskan enam daerah yang telah dipilih. Ini bertujuan untuk memastikan jumlah sampel yang dipilih mempunyai pemberat



yang sama untuk mewakili jumlah populasi di sesebuah daerah. Untuk mendapatkan keseragaman dalam pemilihan sampel dan tiada pertindihan antara sampel yang dipilih, maka sampel di strata pada peringkat kedua mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan. Sampel berstrata juga menjadi pilihan untuk memastikan tiap-tiap ciri diwakili mengikut bilangan yang telah ditetapkan.

Seterusnya jumlah sampel yang dikehendaki dihadkan (kuota) mengikut bilangan saiz sampel bagi setiap kategori ciri yang telah ditetapkan dalam setiap daerah yang telah dikenal pasti dan responden dipilih secara rawak. Penetapan jumlah yang tertentu untuk daerah dan ciri-ciri ekonomi kawasan yang tertentu adalah untuk mengelakkan terkurang atau terlebih sampel yang diambil di satu-satu daerah dan ciri kawasan tersebut. Berikut adalah sedikit huraian mengenai kawasan kajian dan ciri-ciri kawasan seperti mana yang dibincangkan sebelum ini.

### *Kawasan kajian*

Secara umumnya, Kedah menjadi pilihan kerana dua sebab, yang pertama kerana negeri ini masih ramai penduduk yang terlibat sebagai petani jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia yang lain. Pertanian adalah salah satu sektor ekonomi utama di negeri-negeri utara, terutamanya Kedah. Dalam laman sesawang Wilayah Ekonomi Koridor Utara (*NCER*), tenaga kerja yang melibatkan diri dalam bidang pertanian di Wilayah Utara Malaysia mengikut negeri adalah sebanyak 21.7% tenaga pekerja di Perlis, 19% di Kedah, 18% di Perak dan 1.4% di Pulau Pinang. Penduduk di Kedah juga masih ramai yang melibatkan diri dengan aktiviti pertanian dan Kedah juga dikenali sebagai “negeri jelapang padi” bagi Malaysia.

Kedua, kerana Kedah merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi di Semenanjung Malaysia. Misalnya pada tahun 2004, negeri Kedah mencatatkan tahap kemiskinan keseluruhan yang tinggi iaitu 7% (27,300 buah isi rumah). Kemiskinan itu mengatasi kadar kemiskinan keseluruhan negara iaitu 5.7% (Malaysia, 2006).

Dalam kajian ini, sebanyak enam daripada 11 daerah di negeri Kedah dipilih. Daerah-daerah yang dipilih ialah Daerah Kubang Pasu (DKP), Daerah Sik (DS), Daerah Kota Star (DKS), Daerah Baling (DB), Daerah Kulim (DK) dan Daerah Pulau Langkawi (DL). Pemilihan setiap satu daerah tersebut adalah kerana ia mempunyai keunikannya yang

tersendiri yang mampu untuk menunjukkan keadaan ekonomi yang tertentu. Ini kerana wujudnya ciri-ciri tertentu bagi setiap daerah yang dipilih. Sebagai contoh, terdapat pusat perlancongan seperti di Daerah Langkawi, aktiviti menangkap ikan oleh nelayan seperti di Daerah Kota Setar, kawasan perindustrian seperti di Daerah Kulim, kawasan pedalaman seperti di Daerah Sik dan Baling dan pusat bandar seperti di Daerah Kota Setar. Maka kajian ini dijangka mampu untuk digunakan sebagai asas bagi menunjukkan keadaan yang sebenar bagi situasi di seluruh Kedah.

Bagi mendapatkan keputusan kajian yang lebih menyeluruh, maka pemilihan responden adalah mengikut ciri-ciri ekonomi kawasan yang telah ditetapkan. Terdapat empat ciri ekonomi kawasan yang telah dikenal pasti. Keempat-empat ciri ekonomi kawasan itu dibentuk bagi melihat kepentingan dan kekuatan pengaruh kewujudan perindustrian dan pertanian kepada petani untuk terlibat dalam aktiviti bukan pertanian. Penglibatan petani dalam aktiviti bukan pertanian dijangkakan akan meningkatkan jumlah pendapatan isi rumahnya sehingga membawa kepada pengurangan kadar kemiskinan dan ketaksamarataan pendapatan. Antara ciri-ciri ekonomi kawasan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- $(T_T I_T = C_1)$  = Merujuk kepada petani yang berada di lokasi atau kawasan yang mempunyai keamatan yang tinggi daripada segi anugerah alam semula jadi yang sesuai untuk aktiviti pertanian dan mempunyai keamatan yang tinggi daripada segi kewujudan perindustrian.
- $(T_T I_R = C_2)$  = Merujuk kepada petani yang berada di lokasi atau kawasan yang mempunyai keamatan yang tinggi daripada segi anugerah alam semula jadi yang sesuai untuk aktiviti pertanian tetapi mempunyai keamatan yang rendah daripada segi kewujudan perindustrian.
- $(T_R I_R = C_3)$  = Merujuk kepada petani yang berada di lokasi atau kawasan yang mempunyai keamatan yang rendah daripada segi anugerah alam semula jadi yang sesuai untuk aktiviti pertanian dan mempunyai keamatan yang rendah daripada segi kewujudan perindustrian.
- $(T_R I_T = C_4)$  = Merujuk kepada petani yang berada di lokasi atau kawasan yang mempunyai keamatan yang rendah daripada segi anugerah alam semula jadi yang sesuai untuk aktiviti pertanian tetapi mempunyai keamatan yang tinggi daripada segi kewujudan perindustrian.

Nota: T, merujuk kepada pertanian; I, merujuk kepada perindustrian,  $r_r$  merujuk kepada rendah;  $r_t$  merujuk kepada tinggi,  $C_1$  hingga  $C_4$  bermaksud ciri-ciri kawasan

### Jadual dan Agihan Sampel mengikut Daerah dan Ciri Kawasan

Bilangan sampel atau responden bagi setiap daerah ditetapkan berdasarkan jumlah penduduk di setiap daerah kajian. Daripada 384 responden yang dikehendaki, di Daerah Baling ditetapkan seramai 48 responden, manakala sebanyak 135 responden ditetapkan di Daerah Kota Star, 71 responden di Daerah Kubang Pasu, 29 responden di Daerah Pulau Langkawi, 77 responden di Daerah Kulim dan 23 responden di Daerah Sik. Maklumat dan cara pengiraan untuk mendapatkan bilangan sampel mengikut daerah ini ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2

#### *Jumlah Responden mengikut Daerah Kajian*


Daerah/Ciri	Jumlah Penduduk	Bilangan Isi rumah (purata saiz isi rumah 4.82 th 2000)	Petani (anggaran 20% dari isi rumah)*	Bilangan Responden
Daerah K.Pasu	210,541	43,681	8,736	72
Daerah K.Setar	398,650	82,707	16,541	135
Daerah Baling	142,513	29,567	5,913	48
Daerah Kulim	227,865	47,275	9,455	77
Daerah Langkawi	85,336	17,705	3,541	29
Daerah Sik	69,404	14,399	2880	23
Jumlah	1,134,309	235,334	47,067	384

Sumber. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004).

Nota. \* Berdasarkan Laporan yang Dipetik daripada Laman Sesawang Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Setelah mengetahui bilangan responden untuk setiap daerah, maka proses seterusnya adalah untuk mendapatkan jumlah sampel di keempat-empat ciri kawasan. Soal selidik yang diedar adalah sebanyak 384 keping, dijangkakan kesemuanya dapat dikutip dan dianalisis memandangkan kutipan data dilakukan secara bersemuka. Daripada 384 responden yang telah dipecahkan mengikut daerah itu, ianya diagihkan sekali lagi mengikut empat ciri seperti yang telah ditetapkan. Pecahan empat ciri kawasan ekonomi seperti ditunjukkan

dalam Rajah 1. Mengelompokkan responden mengikut ciri ini adalah bertujuan bagi menganalisis kepentingan serta pengaruh kewujudan pembangunan perindustrian atau pun pembangunan pertanian kepada petani. Secara lebih spesifik lagi, kita boleh mengetahui sejauh mana pentingnya kewujudan perindustrian dan pertanian itu kepada petani. Adakah ianya mempengaruhi keterlibatan mereka dalam melakukan aktiviti bukan pertanian ataupun tiada perkaitan di antara ciri-ciri ekonomi kawasan dengan keterlibatannya dalam aktiviti bukan pertanian.



Petunjuk: T merujuk kepada Pertanian; I merujuk kepada Perindustrian, <sub>T</sub> = merujuk kepada Tinggi; <sub>R</sub> = merujuk kepada Rendah

Justeru, untuk mendapatkan gambaran kepentingan yang sama berat bagi setiap ciri ekonomi kawasan, maka daripada 384 responden dibahagikan sama rata dimana setiap ciri ekonomi kawasan mempunyai 96 responden.

#### *Kaedah kajian*

Untuk mendapatkan tempoh masa yang diperlukan bagi mencapai kemiskinan dan ketermiskinan sifar, kajian ini akan menggunakan kaedah yang dicadangkan oleh Morduch (1998). Morduch telah membuat penambahbaikan daripada indek yang telah diperkenalkan oleh Watts (1968), iaitu dengan hanya membahagikan indek yang dicadangkan oleh Watts (*W*) dengan kadar pertumbuhan pendapatan yang tertentu.

$$t(\gamma) = \frac{1}{n} \sum_{i=1}^n t_j(\gamma) = \frac{1}{n} \sum_{i=1}^m \frac{\ln(z) - \ln(y_i)}{\gamma} = \frac{W}{\gamma} \quad (1)$$

Dimana,

$z$ , ialah pendapatan garis kemiskinan (PGK)

$y_i$  ialah pendapatan oleh individu  $i$  sehingga ke  $m$

$m$  ialah senarai isi rumah yang mempunyai pendapatan dibawah daripada pendapatan garis kemiskinan

$\gamma$  ialah kadar pertumbuhan pendapatan

$n$  ialah jumlah sampel dan

$$W \text{ (Watts indek)} = W = \frac{1}{n} \sum_{i=1}^m [\ln(z) - \ln(y_i)]$$

Dengan kaedah ini barulah dapatan kajian itu akan menjadi lebih bermakna dan keputusan kajian dengan menggunakan pendekatan ini boleh dihuraikan sebagai purata tempoh masa yang diperlukan oleh kesemua responden untuk keluar daripada kemiskinan dengan diberi kadar pertumbuhan pendapatan  $\gamma$ .

Kemudian bagi mendapatkan tempoh masa purata yang diperlukan bagi mereka yang miskin sahaja,  $t^p(\gamma)$ , untuk keluar daripada kepompong kemiskinnya boleh diperolehi dengan membahagikan persamaan (1) atau  $t(\gamma)$  dengan kadar kemiskinan (*head count ratio*) seperti berikut:

$$t^p(\gamma) = \frac{t(\gamma)}{P_0} \quad (2)$$

Dimana,  $P_0$  = kadar kemiskinan (*headcount ratio*) =  $m/n$ , dengan  $m$  ialah jumlah bilangan isi rumah yang miskin dan  $n$  ialah jumlah sampel keseluruhan.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 3, menunjukkan jangka masa keluar daripada kemiskinan dan ketermiskinan dengan menggunakan empat andaian kadar pertumbuhan pendapatan iaitu pada tahap 3%, 5%, 10% dan 20%. Jangka masa keluar kemiskinan dikira untuk empat katogeri pendapatan garis kemiskinan iaitu yang menggunakan PGK bagi Malaysia (RM543.00), PGK bagi negeri Kedah (RM720.00), PGK bagi luar bandar negeri Kedah (RM700.00) dan PGK bagi kemiskinan tegar/ ketermiskinan (RM430.00).

Daripada Jadual 3, (lajur 4) jelas menunjukkan semakin tinggi andaian yang diletakkan untuk kadar pertumbuhan pendapatan iaitu daripada 3% kepada 20%, tempoh masa untuk keluar kemiskinan dan ketermiskinan semakin menurun. Dalam kata lain wujud hubungan negatif antara kadar pertumbuhan pendapatan dengan tempoh masa keluar kemiskinan. Keputusan kajian menunjukkan dengan PGK RM700.00 sebagai garis pemisah untuk membezakan isi rumah yang miskin dengan yang tidak miskin, jangka masa purata yang diperlukan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan bagi kesemua responden (sampel) ialah selama hampir lima tahun dengan andaian kadar pertumbuhan pendapatan ialah pada 3%. Namun sekiranya andaian kadar pertumbuhan meningkat kepada 5%, purata jangka masa yang diambil oleh kesemua responden untuk keluar daripada kemiskinan adalah selama hampir tiga tahun. Begitulah seterusnya apabila semakin tinggi andaian pertumbuhan pendapatan akan menyebabkan semakin singkat tempoh masa purata yang diambil untuk keluar daripada kemiskinan.

Dalam Jadual 3, di lajur 5, pula menunjukkan purata masa yang diambil oleh isi rumah yang miskin sahaja untuk keluar daripada kemiskinan. Kajian menunjukkan dengan menggunakan andaian kadar pertumbuhan pendapatan berlaku pada kadar 3%, dan dengan menggunakan PGK pada RM700.00, purata jangka masa yang diperlukan untuk membebaskan golongan yang miskin daripada kepompong kemiskinannya adalah mengambil masa selama 16.08 tahun. Kajian juga menunjukkan semakin tinggi andaian kadar pertumbuhan pendapatan, akan menyebabkan jangka masa keluar kemiskinan juga menjadi semakin singkat. Ini bermakna dengan menggunakan data pada tahun 2008, dan pada anggaran kadar pertumbuhan adalah 3% setahun, jika boleh digeneralisasikan keputusan ini, dapatlah dikatakan bahawa negeri Kedah akan mencapai kemiskinan sifar lebih kurang 16 tahun lagi iaitu pada tahun 2024.

Namun purata tempoh masa untuk mencapai kemiskinan sifar itu dapat dipendekkan apabila berlaku kadar pertumbuhan pendapat yang lebih tinggi daripada 3%, sebagai contoh jika kadar pertumbuhan pendapatan diandaikan berlaku pada tahap 5%, maka negeri Kedah akan mencapai kemiskinan sifar lebih kurang pada tahun 2018, (2008+ 9.65 tahun). Ini bermakna tempoh masa itu dapat dipendekkan selama enam tahun, hanya dengan perbezaan pertumbuhan pendapatan 2% setahun.

Jadual 3

*Jangka Masa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan*

Index	Jumlah yang miskin	Kadar pertumbuhan pendapatan	Jangka masa untuk semua responden	Jangka masa untuk yang miskin sahaja (H)
PGK 543* Malaysia	70	Y=0.03	2.65	12.77
		Y=0.05	1.59	7.66
		Y=0.10	0.79	3.83
		Y=0.20	0.40	1.91
PGK 720 Kedah	115	Y=0.03	5.28	15.89
		Y=0.05	3.17	9.53
		Y=0.10	1.58	4.77
		Y=0.20	0.79	2.38
PGK 700 Luar bandar Kedah	107	Y=0.03	4.97	16.08
		Y=0.05	2.98	9.65
		Y=0.10	1.49	4.82
		Y=0.20	0.75	2.41
PGK 430 Miskin tegar Kedah	38	Y=0.03	1.47	13.41
		Y=0.05	0.88	8.04
		Y=0.10	0.44	4.02
		Y=0.20	0.22	2.01

*Nota.* PGK RM 543\* daripada sumber Rancangan Malaysia, RM per bulan per isi rumah dengan purata saiz isi rumah Semenanjung Malaysia 4.6. (Pada tahun 2004). PGK untuk negeri Kedah daripada e- SINAR, Angka dalam kurungan ialah jumlah yang diperlukan untuk memenuhi jurang pendapatan dalam RM, Kadar pertumbuhan pendapatan tertentu (3%, 5%, 10% dan 20%); Jangka masa untuk keluar daripada kemiskinan untuk semua sampel.

*Sumber.* Hasil Pengiraan oleh Penulis.

Dalam Jadual 3, juga menunjukkan tempoh masa untuk mencapai ketermiskinan sifar, atau disebut juga miskin tegar sifar. Berdasarkan pengiraan yang dilakukan, dengan kadar pertumbuhan yang berbagai akan memberi tempoh masa yang berbagai. Dengan merujuk kepada PGK RM430.00 sebagai garis pemisah untuk membezakan mereka yang miskin tegar dengan yang tidak miskin tegar, maka keputusan kajian menunjukkan, seramai 38 buah isi rumah didapati berada dalam kelompok miskin tegar. Sekiranya diandaikan kadar pertumbuhan pendapatan pada kadar 3% setahun, didapati tempoh masa yang diperlukan oleh golongan miskin tegar ini untuk keluar daripada kemiskinan tegarnya adalah selama



13.41 tahun. Ini bermakna dengan menggunakan data pada tahun 2008 ini, ketermiskinan tegar bagi Kedah akan dapat dicapai pada tahun 2021. Namun tempoh masa itu dapat dipendekkan dengan peningkatan pertumbuhan pendapatan. Sebagai contoh sekiranya kadar pertumbuhan pendapatan dijangkakan berlaku pada kadar 5% setahun, maka tempoh masa purata yang diperlukan oleh golongan miskin tegar ini keluar daripada kepompong kemiskinan tegarnya adalah mengambil masa selama lebih kurang lapan (8) tahun lagi iaitu pada tahun 2016.

Daripada Jadual 3, dengan jelas menunjukkan bahawa pengaruh pertumbuhan pendapatan adalah amat penting dalam memendekkan tempoh masa keluar kemiskinan. Namun bagaimanakah caranya untuk golongan petani luar bandar ini boleh meningkatkan pendapatannya? Salah satu cara yang mungkin boleh dilakukan ialah dengan melakukan kerja tambahan selain daripada kerja-kerja pertanian atau dalam kata lain melakukan aktiviti pendapatan bukan pertanian. Daripada kajian yang dilakukan, didapati sebanyak 122 responden atau (32%) mempunyai aktiviti pendapatan bukan pertanian. Setelah analisis terperinci dilakukan, didapati bagi mereka yang mempunyai pendapatan tambahan melalui aktiviti bukan pertanian, mereka dapat memendekkan tempoh masa keluar kemiskinan dan ketermiskinan.

Keputusan penuh yang mengkaji sumbangan aktiviti pendapatan bukan pertanian boleh didapati di dalam makalah<sup>1</sup> sebelum ini. Keputusan ini adalah selari dengan kebanyakan kajian lain yang mengkaji tentang kepentingan pendapatan bukan pertanian kepada pengurangan kemiskinan. Sebagai contoh Lanjouw dan Lanjouw (2001); Ellis dan Mdoe (2003). Lanjouw (2000) membuktikan melalui kajian ke atas isi rumah di negeri Ecuador mengenai peranan yang dimainkan oleh sektor bukan pertanian kepada pengurangan kemiskinan di luar bandar. Hasil kajian menunjukkan sektor bukan pertanian telah menyumbangkan sebanyak 40% kepada pendapatan di luar bandar. Ini bermakna pendapatan bukan pertanian telah menghampiri kepentingan dan sumbangan pendapatan pertanian di negara tersebut.

Kajiannya juga mendapati hampir 40% kaum lelaki dan 50% kaum wanita terlibat dengan aktiviti berkenaan. Ini bermakna kaum wanita lebih ramai melibatkan diri dalam aktiviti bukan pertanian. Selain daripada melakukan aktiviti bukan pertanian untuk mengurangkan purata masa keluar kemiskinan. Faktor lokasi juga

mungkin mempengaruhi aktiviti pendapatan petani dan seterusnya mempengaruhi jangka masa yang diambil untuk keluar kemiskinan. Makalah yang membuktikan kepentingan lokasi sebagai antara penentu atau penyebab kepada kemiskinan boleh dilihat di dalam makalah berikut.<sup>2</sup> Kajian mendapati, perbandingan yang dilakukan keatas lokasi yang jauh daripada aktiviti pertanian dan perindustrian ( $T_R I_R = C_3$ ), mendapati kesemua lokasi kawasan kediaman yang lain menunjukkan kebarangkalian untuk petani menjadi miskin berkurangan.


### **Implikasi Dasar dan Kesimpulan**

Kedah telah mengubah sasaran untuk mencapai status Kedah Maju pada tahun 2010 kepada tahun 2015. Ini secara tidak langsung sasaran untuk mencapai kemiskinan tegar (ketermiskinan) sifar menjelang 2010 telah juga diubah pada tahun 2015. Andaikan kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk membantu membasmi kemiskinan tegar tersebut, dalam kata lain, sekiranya ketermiskinan itu dibiarkan terhapus dengan sendirinya, maka berapa lamakah jangka masa yang diperlukan oleh mereka yang termiskin itu keluar daripada ketermiskinannya.

Untuk itu, dengan menggunakan RM430.00 sebagai pendapatan garis kemiskinan, yang memisahkan antara yang mereka termiskin dengan yang bukan termiskin, kajian mendapati seramai 38 KIR dalam kelompok miskin tegar ini. Jangka masa yang diperlukan untuk kelompok ini keluar daripada kemiskinan tegar dengan andaian kadar pertumbuhan pendapatan berlaku pada tiga peratus adalah selama lebih kurang 13 tahun pada tahun 2008. Ini bermakna kemiskinan sifar akan dapat dicapai sepenuhnya hanya pada tahun 2021 (2008 + 13). Jangka masa keluar kemiskinan mungkin mengambil masa selama empat tahun sahaja atau pada tahun 2012, dengan mengandaikan petani mengalami kadar pertumbuhan pendapatan sebanyak 10 peratus setahun pada tahun 2008. Rajah 2, menunjukkan hubungan negatif antara kadar pertumbuhan pendapatan dengan jangka masa keluar daripada kepompong ketermiskinan.

Miskin tegar sifar pada tahun 2010, mungkin akan tercapai sekiranya kadar pertumbuhan pendapatan petani sebanyak 20 peratus pada tahun 2008. Namun hakikatnya, golongan petani amat sukar untuk menambahkan pendapatannya jika mereka masih melakukan aktiviti pertanian dengan cara lama. Maka tindakan yang sesuai ialah mungkin menggalakkan penglibatan petani dalam aktiviti

bukan pertanian. Petani mungkin boleh menambah nilaikan produk pertaniannya dengan memproses output pertaniannya ataupun melakukan aktiviti sampingan lain yang diluar daripada aktiviti pertanian. Memandangkan kemiskinan adalah merupakan fenomena di luar bandar, maka untuk mencapai sasaran miskin tegar sifar, maka pihak kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab harus memajukan kawasan yang ketinggalan dan meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi meningkatkan peluang kepada para petani untuk turut serta melakukan aktiviti bukan pertanian.



#### Nota Akhir

1. (2011). *Does farmer's participation in non-farm activities reduce the duration to exit poverty? A case study in Kedah, Malaysia.* A paper presented at the Global Accounting, Finance and Economics Conference held at Monash University, Caulfield Campus, Australia on 14–15 February, 2011, organised by World Business Institute.
2. Siti Hadijah Che Mat and Roslan ABDUL-HAKIM (2010). *Does farmer's diversification into non-farm employment reduce their likelihood of poverty? Evidence from Malaysia.* A paper presented at the Annual London Business Research Conference held at Imperial College, United Kingdom on July 12–14, 2010, organised by World Business Institute.

## Rujukan

- Asian Development Bank. (2001). *Poverty: Is it an issue in the Pacific?* Asian Development Bank, Manilla.
- Ellis, F., & Mdoe, N. (2003). Livelihoods and rural poverty reduction in Tanzania. *World Development*, 31, 1367–84.
- Firdausy, C. M. (1997). Effects of the subsidy removal of fertilizer on rural poverty in North Sulawesi, Indonesia. *International Journal of Social Economics*, 24(1/2/3), 207–222.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2003). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Gibson, J., & Olivia, S. (2002). Attacking poverty in Papua New Guinea: But for how long? *Pacific Economic Bulletin*, 17(2), 33–41.
- Khan, S. I. (2000). Gram Bangladesh model for poverty alleviation and self-reliance. *International Journal of Social Economics*, 27(7/8/9/10), 878–893.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Lanjouw, P. (2000). Rural non-agricultural employment and poverty in Latin America: Evidence from Ecuador and El Salvador. In López R., & A. Valdés (Eds.), *Rural poverty in Latin America*. London: Macmillan Press.
- Lanjouw, J. O., & Lanjouw, P. (2001). The rural non-farm sector: Issues and evidence from developing countries. *Agricultural Economics*, 26, 1–23.
- Malaysia. (2008) *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh*. (2007). Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. (2009) *Laporan Ekonomi 2008/2009*. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- Malaysia. (2009). *Laporan Ekonomi 2008/2009*. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010–2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006–2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. Bank Data Negeri/ Daerah (2004). *Jabatan Perangkaan Malaysia*.
- Morduch, J. (1998). Poverty, economic growth, and average exit time. *Economics Letters*, 59, 385–90.
- Reardon, T., Berdegue, J., & Escobal, G. (2001). Rural non-farm employment and incomes in Latin America: Overview and policy implications. *World Development*, 29(3), 395–409.

- Reinhartsen, J. C. (2003). Higher education a factor in founding of knowledge societies-view of partner and stockholders: Economic partners. *Higher Education in Europe*, 118,71-73
- Uma Sekaran. (1992). *Research methods for business - A skill building approach* (4th edn.). New York: John Wiley & Sons.
- Watts, H. W. (1968). An economic definition of poverty. In D. Moynihan (Ed.), *Understanding poverty*. New York: Basic Books.
- World Bank. (2000). *World development report 2000/2001: Attacking poverty*. Washington DC: Oxford University Press.